

Usah pertikai, fahami dasar program matrikulasi

# Ramai naib Canselor sokong Maszlee

Oleh **IZZAT NASURUDEN**  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 MEI

**M**ENTERI Pendidikan, Dr. Maszlee Malik nampaknya bukan sekadar mendapat sokongan daripada rakan serta seteru politiknya dalam isu berkaitan sistem kuota matrikulasi yang menjadi pertikaian pihak tertentu, tetapi pendirian beliau itu turut disambut oleh naib-naib canselor universiti tempatan.

Tidak dapat dipastikan sama ada ini merupakan kali pertama dalam sejarah negara naib-naib canselor senada mempertahankan Menteri Pendidikan dalam sesuatu isu berbangkit, namun Maszlee sekurang-kurangnya boleh menarik nafas lega apabila kepemimpinan universiti-universiti tempatan tanpa berselindung menyatakan sokongan terhadap beliau.

Lebih-lebih lagi ketika serangan bertali arus ditujukan kepada Maszlee daripada MCA, Gerakan, malah rakannya dalam Pakatan Harapan (PH) iaitu DAP juga tidak terkecuali, sudah tentunya sokongan naib-naib canselor ini memberi makna besar kepada beliau.

Melihat kepada serangan tersebut, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (Unimap), **Prof. Dr. Ir. Badlishah Ahmad** berkata, kenyataan Maszlee bukanlah bersifat sentimen perkauman tetapi sebaliknya meletakkan sesuatu yang hak di tempat yang sepatutnya.

Dalam nada yang sama, Naib



**BADLISHAH AHMAD**



**MOHD. AZRAAI KASSIM**



**AINI IDERIS**



**ASMA ISMAIL**

Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd. Azraai Kassim** menegaskan, isu matrikulasi tidak patut dipolitikkan dan dilihat dari sudut perkauman sempit semata-mata memandangkan matlamatnya adalah bagi mewujudkan keadilan sosial.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Aini Ideris** pula berkata, isu sistem kuota tidak wajar dibangkitkan memandangkan semua kemasukan dan sokongan ekosistem dalam program matrikulasi, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) serta program asasi adalah berkualiti dan melibatkan semua kaum.

Bagi Naib Canselor Universiti

Sains Malaysia (USM), **Prof. Datuk Dr. Asma Ismail** pula, kenyataan Maszlee wajar dipuji memandangkan masih berlaku ketidakseimbangan terutamanya daripada sudut peluang pekerjaan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Turut menyokong Maszlee ialah Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), **Prof. Dr. Noor Azizi Ismail** yang memaklumkan pihaknya menyambut baik langkah pengkekan sistem kuota yang bertujuan memastikan pelajar bumiputera cemerlang terus mendapat peluang melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi.

Selain itu, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem), **Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib** menjelaskan program matrikulasi diperkenalkan khusus untuk pelajar bumiputera bagi tujuan membangunkan potensi mereka melalui pendidikan prauniversiti berikutan masalah ketidakseimbangan kaum di universiti.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang menjalankan fungsi Naib Canselor, **Prof. Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman** pula mengucapkan terima kasih kepada kerajaan apabila mengambil keputusan untuk meningkatkan bilangan pengambilan pelajar ke matrikulasi.